

# **PERANAN BAHASA MELAYU DAN FUNGSI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DALAM KONTEKS MANDIRI BANGSA<sup>1</sup>**

**Haji Abu Bakar bin Hj.Zainal  
Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.**

## **MUKADIMAH**

Bahasa dalam konteks negara kita Brunei Darussalam ialah Bahasa Melayu yang dituturkan lebih 80% penduduk negara ini. Umum juga mengetahui bahawa penggunaan bahasa Melayu sudah termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959 Bab 82 (i) yang menyatakan bahawa: “Bahasa Rasmi Negeri ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis”

Dengan pengisytiharan tersebut dapat dikatakan bahawa Bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang terjamin dan mendapat tempat atau pengiktirafan yang istimewa, malah sebelum wujud perlembagaan pun bahasa Melayu sudah digunakan bukan sahaja melalui percakapan tetapi juga melalui tulisan. Walau pun begitu Bahasa Melayu perlu dimajukan sesuai dengan kedudukannya bukan sahaja hanya setakat tertulis dalam perlembagaan.

Bagi melaksanakan aspirasi perlembagaan ini kerajaan telah menubuhkan Lembaga Bahasa di Jabatan Pelajaran pada tahun 1961 yang kemudiannya diubah menjadi Bahagian Bahasa dan Pustaka sehinggalah perkembangan terakhir menjadi sebuah jabatan penuh dengan nama Dewan Bahasa dan Pustaka

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Seminar Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-21 Negara Brunei Darussalam dengan tema “Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa” Anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Universiti Brunei Darussalam, Dewan Censolar, Universiti Brunei Darussalam, 30-31 Mac 2005

## **Dewan Bahasa dan Pustaka: Peranan dan Fungsi**

Sebagai sebuah agensi Kerajaan yang terbentuk dari aspirasi Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Maka Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai dasar penubuhannya sendiri iaitu:

1. Berusaha dan berikhtiar mengembangkan dan meninggikan Bahasa Melayu
2. Menyesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah dijadikan bahasa rasmi Negara mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dalam bab 82 (i)
3. Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku
4. Menyatukan ejaan dan sebutan serta mengadakan perkataan teknikal dalam bahasa Melayu
5. Menggalakkan orang-orang yang berkebolehan dalam mempelajari bahasa Melayu

## **Misi Dewan Bahasa dan Pustaka**

“Menjadikan Dewan Bahasa dan Pustaka institusi ilmu yang mampu mengangkat martabat bahasa, sastera dan budaya dunia Melayu”

## **Pelaksanaan Dasar dan Misi**

Dalam melaksanakan dasar dan misi, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan tugas dan misi yang telah ditetapkan. Dalam hal ini kerajaan juga telah mengambil tindakan bagi memastikan bahasa Melayu benar-benar diamalkan sesuai dengan kehendak dan semangat perlembagaan. Misalnya

dengan mengeluarkan beberapa arahan dan surat keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan (Sebelum Merdeka) dan Jabatan Perdana Menteri (Selepas Merdeka).

Surat Keliling Bil 22/1981, Bil. 3/1983 dan Bil. 21 / 1988 turut menyebut nama Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sumber rujukan yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu. Dengan menegur adanya beberapa buah jabatan kerajaan yang masih menggunakan borang rasmi dalam bahasa Inggeris dan menasihatkan supaya merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendapatkan bantuan.

Surat Keliling Bil 3/1983 pula memberi arahan tentang penggunaan Sistem Ejaan Rumi Baru mulai awal tahun 1983 secara berperingkat-peringkat iaitu bermula dengan jabatan kerajaan kemudian dilaratkan kepada orang ramai.

Mengenai tulisan Jawi pula ianya telah dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 21/1988 iaitu kemestian semua pihak dalam menggunakan dan mempraktikkan tulisan Jawi pada papan tanda di bangunan kerajaan dan badan-badan perniagaan termasuklah papan nama, papan kenyataan, kepala surat, poster, iklan, kain rentang, nama-nama dan tanda-tanda jalan raya dan lain-lain. dalam Surat Keliling itu juga dinyatakan bahawa tulisan Jawi hendaklah ditulis dua kali ganda besarnya daripada tulisan Rumi dan diletakkan pada bahagian atas.

Dalam konteks ini juga Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebagai sumber rujukan bagi mendapatkan nasihat dan bantuan dalam penggunaan tulisan Jawi yang betul.

Soalnya sekarang apakah dengan adanya surat-surat keliling yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan itu sudah memadai keberkesanan pelaksanaan dasar dan misi ? Atau bahasa Melayu itu sudah berada di tahap yang paling tinggi dalam erti kata yang lain adakah rakyat sudah mengamalkan sepenuhnya bahasa Melayu baik dalam pertuturan mahupun dalam bentuk tulisan?

Tidak dinafikan bahawa sedikit sebanyak surat-surat keliling ini membantu kerana ia dikeluarkan oleh pihak kerajaan yang sekaligus mencerminkan dasar dan arahan kerajaan yang wajar diambil perhatian dan dipatuhi sepenuhnya untuk memastikan bahasa Melayu terus hidup subur dan dijulang sebagai jati diri bangsa Melayu.

### **Peranan DBP**

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka tambah mencabar pada zaman globalisasi ini, dari semasa ke semasa tugas dan fungsi DBP juga semakin diperlukan sesuai dengan peralihan zaman yang semakin canggih. DBP juga harus mengikut perubahan tersebut bagi memantapkan lagi keberkesanan perkhidmatan.

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka masa kini :

- Bertanggungjawab membina dan mengembangmajukan Bahasa dan sastera Melayu.
- Menyelidik, mendokumentasi dan menerbitkan bahan-bahan kebudayaan.
- Menyediakan dan meningkatkan perkhidmatan perpustakaan di seluruh negara.
- Mengembangkan budaya ilmu dan membaca di kalangan masyarakat

### **Bahasa Melayu Sejak 20 Tahun Lalu**

Salah satu aspek dalam mendukung dan mandiri bangsa ialah dengan adanya sokongan dan amalan dalam penggunaan bahasa Melayu oleh segenap lapisan rakyat, bahasa Melayu sebagai tunggak jati diri bangsa kita orang Melayu, bangsa Brunei yang mengamalkan budaya Melayu.

Sejak Pengisytiharan Perlembagaan Brunei tahun 1959 dan sejak penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1961, bahasa Melayu semakin berkembang pesat, pemakaian dan penggunaannya juga dipertingkatkan, kedaulatannya dipelihara. Ketepatan dan kesahihannya juga terus dijaga.

Bulan Bahasa Kebangsaan pertama kali telah diadakan di Brunei Darussalam dalam tahun 1961, demikian juga ikrar Bahasa Kebangsaan telah dilafazkan di semua daerah pukul 4.50 petang pada 23 Julai 1962. Semangat dalam menyemarakkan bahasa Melayu ketika itu amat tinggi.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga mengorak langkah bagi memenuhi keperluan dalam mendokong hasrat kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa rasmi dengan menubuhkan satu bahagian khas khusus dalam menangani perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu telah dibentuk untuk melaksanakan dasar dan fungsi,

Di antara tugas dan fungsi bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa ialah:

- Mendaulatkan, memperkasa dan menyebarluaskan bahasa Melayu,
- Mendaulatkan, memperkasa dan menyebarluaskan tulisan Jawi,
- Membimbing dan mengajar sistem ejaan Rumi baru kepada orang ramai,
- Berusaha membentuk, mencipta dan memantapkan peristilahan dalam pelbagai bidang ke dalam bahasa Melayu,
- Menyebarkan dan mengembangluaskan bahasa Melayu melalui penterjemahan dari bahasa asing ke bahasa Melayu,
- Menyebarluaskan penerbitan buku-buku, daftar istilah, jurnal Bahasa dan majalah yang berunsurkan kebahasaan

## **Bahasa Melayu: Pencapaian Sejak 20 tahun**

Tidak dinafikan lagi bahawa beberapa usaha ke arah mengembangmajukan bahasa Melayu telah diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, seminar, persidangan dan bengkel sering diungkayahkan, begitu juga dengan pihak-pihak lain sering bekerjasama dalam memajukan bahasa Melayu di negara ini,

Hakikat ini disedari kerana satu-satunya cara untuk kita memperkasa dan mandiri bangsa ialah dengan adanya kesepaduan dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan untuk mendaulatkan bahasa Melayu.

Di antara usaha yang telah, sedang dan akan diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ialah:

- Memberikan bimbingan mengenai penggunaan ejaan Rumi Baru,
- Menerbitkan Kamus besar Bahasa Melayu 3 Negara (Kamus Bahasa Melayu Nusantara)
- Menerbitkan istilah dalam berbagai-bagai bidang ke bahasa Melayu
- Memberi nasihat tentang penggunaan bahasa Melayu yang betul
- Menangani tulisan Jawi

Kita juga melihat adanya usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak lain selain DBP untuk mendukung hasrat menjadikan bahasa Melayu itu sebagai tunggak jati diri bangsa misalnya salah satu syarat untuk mendapatkan anugerah

Dermasiswa Kerajaan bagi rakyat tempatan ialah lulus bahasa Melayu dalam Peperiksaan Brunei Cambridge GCE peringkat biasa juga salah satu syarat mendapatkan kerakyatan Brunei ialah lulus ujian bahasa Melayu. Akta Majlis Ugama Islam digubal dalam bahasa Melayu dan bahasa Melayu dijadikan bahasa Mahkamah Syariah.

Satu tanda sejarah yang amat menggembirakan kita ialah Watikah Pengisytiharan Kemerdekaan Brunei pada tahun 1984 adalah menggunakan bahasa Melayu dan termaktub dalam tulisan Jawi.

Selain orang Melayu digalakkan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, kaum-kaum lain juga digalakkan untuk menggunakan dan bertutur dalam bahasa Melayu, misalnya kaum Tionghua. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah di majlis Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Baginda ke-36 tahun yang diadakan oleh Dewan Perniagaan Tionghoa Brunei pada 1 September 1982, Titah baginda:

“Pembentukan identiti Kebruneian melibatkan beberapa perkara mustahak supaya diutamakan. Di antaranya ialah bahasa rasmi Negara, yakni bahasa Melayu dan adat istiadat, yakni adat resam orang-orang Brunei serta kebudayaannya.

Dalam perkara bahasa Melayu ini, Beta ingin mengingatkan kepada Rakyat dan penduduk di negeri ini yang berketurunan Tionghoa, supaya mereka mempelajari bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh dan terus menerus serta menggunakannya pada setiap masa, sebagai satu bukti taat setia yang tulen dan sebenar-benarnya, kepada Negeri Brunei ini, supaya mereka tidak dicurigai oleh rakyat Brunei yang



terdiri dari rakyat tempatan di negeri ini, dengan amalan sedemikian maka orang-orang yang berketurunan Tionghoa di negeri ini akan dapat membuktikan yang Mereka mempelajari bahasa Melayu itu bukan hanya setakat mendapatkan taraf kerakyatan Negeri Brunei, Malahan menerima dan mengakui bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara dan menggunakannya pada setiap waktu.”

## **Bahasa Melayu: Pencapaian Peringkat Serantau**

### **MABBIM**

Di samping pencapaian dalam negara sendiri, bahasa Melayu juga terus berkembang pesat dan telah dilaratkan ke peringkat serantau dalam bentuk penyertaan negara dalam usaha mendaulatkan dan memajukan bahasa Melayu. Penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam MABBIM singkatan Majlis Bahasa Melayu Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia pada tahun 1985 terus kukuh dan berjaya dalam menyebarkan bahasa Melayu. Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam MABBIM membuktikan bahawa kita mampu menengahkan bahasa Melayu bersama-sama dengan Negara Malaysia dan Indonesia. Kita dapat membuktikan bahawa bahasa Melayu itu masih berada di tahap yang paling istimewa, dan kita juga membuktikan bahawa kesepaduan rakyat berjaya memperkasa dan mandiri bangsa melalui penggunaan bahasa Melayu.

## **MABM**

Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) dilancarkan penubuhannya pada 21 Ogos 2000 di Kuala Lumpur. Majlis ini ditubuhkan dengan matlamat untuk melaksanakan dan menyelaraskan segala kegiatan yang menjurus kepada pengembangan bahasa dan persuratan Melayu di peringkat antarabangsa. Majlis ini dianggotai oleh institusi, tokoh dan sarjana bahasa di berbagai negara yang mengamalkan bahasa Melayu.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia sebagai pengerusi majlis dan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei serta Kepala Pusat Bahasa Indonesia menjadi Naib Pengerusi.

Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu juga dianggotai oleh negara-negara seperti Amerika Utara, Eropah, Australia, New Zealand, Jepun, Korea dan China selain Filipina dan Thailand.

## **Isu-isu Mencabar Kedaulatan Bahasa Melayu**

Sesudah kita merdeka lebih 20 tahun dan sesudah 40 tahun bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa rasmi negara ini, kita masih mendapati beberapa masalah dan isu yang mencabar kedaulatannya, walaupun usaha-usaha sudah

dilakukan untuk menggalakkan pemakaian dan penggunaan bahasa Melayu itu, namun ada juga segelintir masyarakat yang masih enggan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, ada di kalangan agensi kerajaan yang masih menggunakan borang-borang dalam bahasa asing, papan-papan tanda tanpa tulisan Jawi malahan yang sedihnya ada pula yang menggunakan ejaan Rumi yang salah. Di manakah silapnya ?

Di kalangan individu pula masih ada yang bangga berkomunikasi dalam bahasa asing waima pun sesama bangsa sendiri, ditambah lagi dengan sebutan atau ejaan Rumi yang salah. Lebih malang lagi kebanyakan kita tidak tahu membaca dan menulis Jawi, pada hal Jawi itu merupakan bentuk tulisan yang telah lama wujud di negara kita.

Di premis-premis perniagaan pula masih terdapat papan-papan tanda yang tidak ada tulisan Jawi, ejaan Rumi yang salah dan penggunaan bahasa pasar walaupun perkara ini sudah berkali-kali ditegur oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **CADANGAN**

1. Akta Bahasa perlu diwujudkan.
2. Kerjasama erat di kalangan pihak berwajib seperti Lembaga Bandaran, Pejabat Daerah dan Polis Diraja Brunei dan Pengangkutan Darat.
3. Pakar bahasa perlu diperbanyakkan.
4. Hukuman harus diperkenalkan bagi kesalahan pencemaran bahasa seperti keengganan membubuh tulisan Jawi pada papan-papan tanda.
5. Dewan Bahasa dan Pustaka perlu diberi kuasa penuh dalam bidang bahasa.
6. Penguatkuasa Bahasa perlu ditubuhkan.
7. Media cetak dan elektronik mestilah menjadi contoh dalam menggunakan bahasa Melayu yang betul dan tepat.

## **PENUTUP**

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, jati diri bangsa harus ditegakkan, bahasa dan ugama harus dipelihara apatah lagi kedua aspek ini termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei. Bahasa Melayu yang dituturkan oleh rakyat dan penduduk Negara ini perlu diperkukuhkan dan diangkat ke tahap yang selayaknya.

Jika kita sebagai rakyat masih mahu memuja dan mengagungkan bahasa-bahasa asing, baik dalam pertuturan mahu pun dalam tulisan nasib malang sudah tentu akan menimpa bangsa kita Melayu, kita akan menjadi dagang di negara sendiri, kerana keyakinan kita terhadap bahasa Melayu, bahasa kita sendiri tidak ada, bagaimana pula kita mahu memperkasa dan mandiri bangsa?